

08 JUN 1997

Alatas-Rasuah

RASUAH BOLEH MENCETUSKAN PERANG SAUDARA, KATA SYED HUSEEIN ALATAS

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Dr Syed Hussein Alatas ialah orang yang boleh dikatakan hampir bersendirian memerangi rasuah selama lebih dari 40 tahun dan boleh dikira pejuang terawal menentang gejala itu.

Seawal tahun 1950'an, beliau telah menulis artikel-artikel dalam akhbar untuk menyedarkann masyarakat mengenai rasuah dan ini diikuti dengan beberapa buku mengenai gejala itu, yang pertamanya pada tahun 1968 bertajuk "The Sociology of Corruption (Sosiologi Rasuah)".

Dr Alatas ialah orang yang pertama yang akan mengaku bahawa semua peringatan yang ditulis dalam artikel dan bukunya mengenai rasuah telah tidak diambil pusing, pada ketika cerita-cerita mengenai mereka yang hidup jauh lebih mewah dari pendapatan rasmi merek menjadi rahsia yang terbuka dalam negara yang dikejutkan dengan kejayaan ekonomi luar biasa khususnya dalam dekad lepas.

Tetapi rasuah masih lagi menjadi subjek yang dekat di hati bekas ahli politik ini yang pernah menjadi naib canselor Universiti Malaya. Baru-baru ini beliau mendapat kejutan yang menyenangkan apabila Transparency International, sebuah badan yang komited memberi kesedaran mengenai rasuah berpangkalan di Berlin, melantik beliau ke dalam lembaga pentadbirnya.

Pelantikan itu sungguh tepat pada masanya, ketika kerajaan Malaysia sedang menangani rasuah di tempat-tempat tinggi dengan mendapat restu politikal will dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang telah menyatakan dengan jelas mengenai pendirian kerajaan terhadap kegiatan rasuah di kalangan ahli politik dan para pentadbir.

"Saya sungguh gembira bahawa setelah sekian lama, masalah rasuah di Malaysia akhirnya diiktirafkan," katanya kepada Bernama di sini yang jelas merujuk kepada peningkatan tindakan-tindakan Badan Pencegah Rasuah (BPR) beberapa minggu ini, dan yang lain-lain lagi yang dilaporkan akan menyusul.

"Satu daripada kesan rasuah yang paling serius sekiranya dibiarkan berleluasa di negara seperti Malaysia ialah perang saudara," kata profesor berusia 69 tahun itu dengan tegas.

Ditanya sama ada perang saudara dan anarki yang menjadi perkara biasa di banyak negara Afrika adalah akibat rasuah, Dr Syed Hussein berkata: "Sudah tentu. Itulah yang saya maksudkan".

Perang saudara akibat rasuah tidak akan berlaku dengan cepat tetapi mengambil masa berdekad-dekad untuk menjadi kenyataan.

Katanya di Malaysia, kesan rasuah telah mula muncul dengan jelas seperti kesesakan lalulintas serius, banjir kilat, rumah runtuh, lubang-lubang di jalan raya, pembinaan yang tidak baik, kemalangan industri dan kemalangan jalan raya.

"Saya boleh berikan banyak contoh lagi.....", katanya.

Kesan segera yang melemahkan dari rasuah ialah penurunan kualiti dan taraf hidup, nilai-nilai mora yang keliru dan kemunculan kepimpinan palsu dalam masyarakat.

Beliau berpendapat masalah rasuah berbagai jenis dan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas semua sektor penghidupan sosial.

'Seseorang pemimpin itu terlalu bodoh atau jahat sekiranya dia tidak nampak masalah rasuah," katanya sekali lagi merujuk kepada Afrika.

Katanya untuk meneruskan rangsangan yang dicetuskan oleh tindakan-tindakan anti rasuah yang sedang dilakukan sekarang, perkara yang perlu dilakukan pertamanya ialah mendapat dan menggembelingkan pendapat

awan melawan rasuah.

Dr Syed Hussein mencadangkan Umno menganjurkan satu persidangan mengenai rasuah, yang boleh diikuti oleh parti-parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional dan juga menggerakkan Anggota-anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri untuk tujuan yang sama.

Persidangan-persidangan seperti itu akan meningkat moral orang ramai untuk melawan rasuah dan ia juga akan menunjukkan kesungguhan kerajaan menangani "kejahatan yang paling penting" dalam masyarakat manusia ini.

Dr Syed Hussein memyambut baik rang undang-undang yang akan dibentangkan dalam Parlimen akhir tahun ini bagi memberi kuasa kepada BPR untuk merampas harta mereka yang disyakki yang gagal menunjukkan punca kekayaan mereka serta hukuman yang lebih berat ke atas mereka yang didapati melakukan kesalahan rasuah.

"Ini satu langkah yang baik kerana beban bukti sekarang jatuh ke atas mereka (yang syakki)," katanya.

Dr Syed Hussein bersetuju bahawa BPR perlu ditambah kakitangan dan pegawanya tetapi katanya pertambahan tenaga kerja ini bermakna lebih ramai yang akan membuat kerja-kerja siasatan per se kerana agensi itu telah diberikan banyak "kes-kes ad hoc" untuk disiasat.

BPR juga perlu bebas untuk memilih kes-kes untuk di siasat dan laporan tahunannya perlu mengandungi butir-butir terperinci siasatan tanpa memberitahu identiti mereka yang disiasat, dan bukan hanya memberi statistik seperti yang dilakukan sekarang.

BPR yang bertanggungjawab dengan Parlimen perlu memberikan butir-butir terperinci ini, seperti memberi penjelasan mengapa ada kes-kes yang digugurkan, kerana laporan statistik tidak mencukupi.

Dr Syed Hussein juga mahukan tindakan serupa diambil ke atas amalan rasuah di sektor swasta kerana kebanyakan mereka yang sedang disiasat sekarang terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan.

"Oleh kerana sekarang kita telahpun serius untuk menbendung rasuah, kita tidak boleh berjuang sekiranya kita tidak serius mengenai senjata yang kita mahu gunakan. Kita tidak boleh pergi ke medan peperangan sekiranya kita tidak mempunyai political will yang kuat untuk berjuang," katanya. --
BERNAMA

AU WAT